



KEADAAN lokasi nahas di Jalan Kemunting, Pasir Puteh yang menyebabkan kematian seorang wanita, semalam.

Oleh Nor Amalina Alias  
am@hmetro.com.my

### Pasir Puteh

**Y**usni Abdul Hamid yang meninggal dunia akibat dihempap besi yang terjatuh daripada lori di Jalan Dalam Kemunting di sini, semalam cukup gembira dapat meraikan Aidiladha kali ini, malah meminta kakak iparnya memasak pelbagai lauk-pauk seperti ayam pedas, pulut durian, pucuk ubi serta asam perut.

“Arah yang juga ibu tunggal pulang selama seminggu untuk beraya bersama tiga anak berusia enam tahun hingga 12 tahun.

“Dia kelihatan lebih gembira kali ini, malah minta saya memasak pelbagai lauk. Malah, ketika dapat tahu dia terbabit kemalangan, saya sedang siapkan sayur lemak petola dimintanya namun dia tidak sempat menjamahnya,” kata kakak iparnya, Noraini Tadilin.

Noraini, 44, berkata de-

# Wanita maut dihempap besi

*Mangsa terbunuh dalam nahas babit lori muatan besi, 21 basikal serta 6 kenderaan lain*

mikian ketika ditemui di bilik mayat Hospital Tengku Anis di sini.

Pada kemalangan itu, Yusni parah di kepala akibat dihempap besi terbabit. Kemalangan turut menyebabkan enam cedera termasuk memabitkan anak Yusni.

Menurut Noraini, adik iparnya yang berusia 33 tahun itu beraya di rumah mereka di Kampung Gong Kala dan mangsa bekerja kilang di Pulau Pinang.

“Ketika kejadian, Yusni dalam perjalanan pulang daripada membuat kad pengenalan anak sulungnya, Mohammad Sharul Rizal Mohd Azizi yang putus kaki

kanan akibat dihempap timbunan besi itu.

“Setakat ini (semalam), keluarga dimaklumkan keadaan anak Yusni stabil dan menunggu pembedahan menyambung kakinya yang putus. Namun, kami belum beritahu ibunya meninggal dunia kerana bimbangkan keadaannya,” katanya.

Sementara itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Pasir Puteh Azhar Elmi Mustofar berkata, kemalangan memabitkan sebuah treler, sebuah lori, Toyota Fortuner, Perodua Myvi, Proton Saga, Perodua Alza, dua motosikal dan 21 penunggang basikal.

Penunggang basikal berkenaan dipercayai dalam kalangan doktor pakar Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM).

“Kemalangan dipercayai berlaku apabila lori membawa muatan besi dari Jeritih, Terengganu membelok ke jalan bandar Pasir Puteh sebelum terbabas menyebabkan besi terbabit menimpa pengguna jalan raya dari arah bandar Pasir Puteh berkenaan.

“Kami juga mengambil masa lebih sejam untuk mengalihkan timbunan besi yang dianggarkan seberat 30 kilogram sebatang,” katanya.